

PM harap parti dalam kerajaan perkukuh kerjasama

Gombak: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap semua gabungan parti politik yang membentuk Kerajaan Perpaduan dapat memperkukuhkan jalinan kerjasama, terutama dalam mendepani Pilihan Raya Negeri (PRN), bulan depan.

Perdana Menteri juga berharap semua jentera pilihan raya gabungan parti berkenaan dapat menawarkan serta melaksanakan kerja dan khidmat kepada rakyat dengan sebaik-baiknya.

Tegasnya yang juga Pengerusi Pakatan (PH) merangkap Presiden PKR, semua pihak dalam gabungan yang membentuk kerajaan persekutuan ketika ini harus menggunakan pengaruh dan kuasa yang ada untuk menjaga kepentingan rakyat.

Kerajaan Perpaduan terbentuk hasil kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas tiada parti atau gabungan parti politik memperolehi 50 peratus daripada 222 kerusi dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), November lalu.

Selepas mesyuarat khas Majlis Raja-Raja, Istana Negara

pada 24 November mengumumkan pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri Ke-10 setelah PH dan Barisan Nasional (BN) memperoleh majoriti melebihi 112 kerusi, iaitu PH dengan 82 kerusi dan BN dengan 30 kerusi.

Gabungan Parti Sarawak (GPR) dengan 23 Ahli Parlimen juga kemudian mengumumkan sokongan kepada Anwar untuk bersama PH serta BN dan langkah sama disusuli Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dengan enam Ahli Parlimen.

PRN di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Kelantan akan dilangsungkan 12 Ogos depan dengan penamaan calon ditetapkan 29 Julai ini dan pengundian awal pada 8 Ogos.

Sebelum pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam tempoh dua minggu terakhir bulan lalu, Kedah, Terengganu dan Kelantan ditadbir Perikatan Nasional (PN) yang ditunjangi PAS, manakala Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan di bawah PH.

"Penamaan calon sempena PRN akan diadakan pada 29 Ju-



Anwar sampaikan ucapan ketika makan tengah hari bersama warga Gombak yang turut disertai Amirudin (kiri), semalam.

(Foto BERNAMA)

lai ini. Saya harap kita dapat memperkuatkan Kerajaan Perpaduan untuk kita jalankan kerja baik untuk rakyat," kata Anwar dalam ucapan ringkas ketika makan tengah hari bersama warga Gombak di Restoran Sri Ayu, di sini, semalam.

Beliau meluangkan hampir setengah jam menjamu selera di

restoran itu dan turut disertai Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bersama Pengerusi BN merangkap Pengerusi UMNO negeri, Datuk Megat Zulkarnain Omaidin sebelum ke Masjid al-Khairiyah untuk solat Jumaat.

"Kita ada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin

yang baik dan Pengerusi BN Selangor, Datuk Megat Zulkarnain, ini kerjasama dengan BN sekarang.

"Jadi, saya harap kita jangan lupa ada agenda yang belum kita laksanakan dan insya-Allah kita gunakan pengaruh dan kuasa untuk jaga kepentingan rakyat," kata Perdana Menteri.